

14 Ogos, 2008 18:48 PM

Symphony Advance & Samsung Cheil Bersama Majukan Dan Eskport Komposit Polimer Kenaf

KUALA LUMPUR, 14 Ogos (Bernama) -- Syarikat Malaysia, Symphony Advance Sdn Bhd (SASB), dan Samsung Cheil Industries Incorporated dari Korea Selatan akan berganding bahu dalam satu kerjasama teknikal untuk memajukan dan mengeksport komposit polimer Kenaf.

SASB, syarikat yang mengendalikan Wilayah Ekonomi Pantai Timur, akan bertukar-tukar dokumen bagi kerjasama itu Jumaat depan.

Upacara itu dijangka disaksikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan Menteri Besar Kelantan Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat.

Batang kenaf menghasilkan jerami yang lebih kasar pada lapisan luarnya dan jerami yang lebih halus dalam empulurnya. Pokok itu boleh membesar hingga 1.5-3.5 meter tinggi dan mempunyai sejarah penanamannya bagi mendapatkan jerami di India, Bangladesh, Thailand, beberapa bahagian di Afrika dan sedikit di Eropah Tenggara.

Kenaf boleh digunakan dalam industri pembinaan, komponen kereta, perabot dan pembungkusan makanan meskipun pada peringkat awal penyelidikan ke atas kenaf adalah sebagai makanan haiwan.

Pokok itu dikenal pasti sebagai tanaman berpotensi menggantikan tembakau, terutamanya kawasan tanah bris di sepanjang pantai timur Semenanjung Malaysia, tempat terletaknya kawasan utama penanaman tembakau.